



Tahun 2. No. 10

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
DUA KERAJAAN BRUNEI
KALI SABULAN

1 July, 1957.

MESJID BUKOK, TEMBURONG DI-BUKA OLEH D.P.B.

YANG TERAMAT MULIA DULI PENGEBERAN BENDAHARA, Wazir Yang Pertama bagi Negeri Brunei Darul-Salam telah mengishtiharkan dengan resmi-nya pembuka'an Mesjid Bukok, Pandaruan di-Da'erah Temburong pada pagi Jum'at yang lalu, 21 June 1957.

Yang Teramat Mulia itu telah berangkat dari Bandar Brunei ka-Temburong dengan kapal "PRETTY" pada pagi hari itu, serta di-iringi oleh Tuan Kadzi Besar Negeri Brunei, Yang Berhormat Mulia Pengeraian Haji Mohammad Salleh D.P.M.B., P.O.A.S., dan beberapa orang Pegawai2 Mesjid Brunei. Satiba-nya di-hadapan Mesjid Bukok ka-semua-nya telah di-sambut oleh Ketua Kampong Haji Ajak dan Ketua Kampong Haji Malik dengan penoh gembera.

Satelah di-junjong naik ka atas Mesjid m a k a Duli Yang Teramat Mulia itu pun mengishtiharkan pembuka'an resmi Mesjid itu serta mengguntingkan peta yang terbentang di-hadapan pintu Mesjid itu. Kemudian uchapan2 telah di-lafadzkan oleh Pegawai Da'erah Temburong, Yang Berhormat Pengeraian Haji Abu Bakar bin Pengeraian Peman-cha Mohammad Salleh II, di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengeraian Bendahara; Yang Berhormat Mulia Pengeraian Haji Mohammad Salleh, Kadzi Besar Brunei; dan sasudah itu di-susul pula oleh Che'-gu Julaihi Sulaiman atas nama Ketua2 Kampong serta para penduduk Kampong Bukok.

Berakhir-nya pengishtiharan pembuka'an resmi Mesjid, maka istiadat perlantekkan Imam untuk Mesjid itu pun di-langsangkan. Mejlis perlantekkan Imam ini telah di-pimpin oleh Yang Berhormat Pengeraian Haji Abu Bakar, Pegawai Da'erah Temburong; menakala di-antara hadzirin di-wasa itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengeraian Bendahara dan Yang Berhormat Mulia Tuan Kadzi Besar Negeri Brunei.

Hanya dua chalon yang telah di-hadapkan oleh para hadzirin ia-itu, Haji Sabtu bin Abdul Ghani dan Haji Malik. Haji Malik, Haji Lampoh, Haji Ajak dan Haji Duraman menchalonkan Haji Sabtu, menakala Haji Sabtu menchalonkan Haji Malik pula. Satelah di-undi dengan sechara mengangkat tangan, maka Haji Saltu-lah yang di-persetujui para penduduk Kampong Bukok menjadi Imam di-sana.

Tuan Kadzi Besar selanjut-nya menyatakan kepada pendudok2 Kampong itu bahawa lantekkan itu hanya dapat di-akui salepas chalon pilihan ramai itu memasokki satu pepereksa'an yang akan di-adakan oleh Kadzi itu sendiri pada satu hari nanti yang akan di-tetapkan. Sekira-nya Haji Sabtu lulus di-pepereksa'an bagi menjawat jawatan sebagai Imam Mesjid Bukok itu maka baharu-lah lantek-kan itu akan di-akui oleh-nya sendiri dengan sechara resmi. Pe-pereksa'an tersebut akan bertempat di-Mahkamah Kadzi sendiri di-Bandar Brunei dan Haji Sabtu di-kehendaki hadzir apabila di-kehendaki.

PERSIDANGAN MEJLIS MASHUARAT NEGERI

RANCHANGAN BESAR2AN DI-PERSETUJUI

MEJLIS Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya yang telah berlangsung pada penghujung bulan yang lalu telah meluluskan beberapa chadangan2 yang mustahak: yang di-antara-nya ia-lah chadangan untuk menyediakan sabanyak \$235,00 dari wang perbelanja'an Perkembangan Negeri guna membuat peta2 yang besar mengandungi kawasan2 Gadong dan Bandar Brunei yang akan menunjukkan mengenai tempat perpindahan dan pengatoran Bandar.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah memimpin Mejlis itu dan di-antara ahli2 yang hadzir termasok-lah Tuan Yang Berhormat British Resident, J.O. Gilbert.

Ketika menjawab so'alan2 yang di-kemukakan oleh beberapa orang Ahli Mejlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Resident itu menegaskan bahawa Ranchangan Tanah Penampatan semula di-Gadong itu ada-lah khas untuk penduduk2 di-Kampong Ayer, yang suka berpindah ka-kawasan tersebut. Satelah pekerja'an menyukat itu selesai nanti, maka pehak yang berkenaan akan menyediakan ranchangan-nya untuk pertimbangan Mejlis itu.

Yang Berhormat Tuan British Resident selanjut-nya menegaskan bahawa sa-buah ranchangan yang sama juga akan di-jalankan di-Da'erah2 yang lain sakira-nya ranchangan di-atas mendapat hasil yang baik.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, ketika bertitah, meminta supaya Tuan British Resident memberi penjelasan kepada Mejlis Mashuarat itu berapa lama-kah ranchangan tersebut boleh siap.

LEMBAGA PENAPIS FILM

Dalam persidangan ini juga, Yang Berhormat Pengeraian Mohammad Yusuf menchadang bahawa segala film2 yang di-bawa masuk ke-Negeri ini, sabelum di-tunjukkan kapada orang ramai, mesti-lah di-tapis terlebih dahulu.

Menjawab chadangan ini, Resident, dalam uchapan-nya, ber-chadang hendak menubohkan sa-buah Lembaga Penapis Film. Tentang hal ini, beliau melanjutkankata, ia akan mengadakan satu perundingan dengan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Yang Berhormat Pengeraian M. Yusuf juga telah mengemukakan satu chadangan lagi supaya banchi (census) bagi seluruh Negeri Brunei di-adakan, kerana banchi yang terakhir sekali telah di-jalankan 10 tahun dahulu. Berkenaan ini, kata Tuan Resident, dia akan membuat satu perhubungan dengan Tuan Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei.

Di-antara lain2 chadangan yang di-persetujui Persidangan Mejlis Mashuarat Negeri itu ada-lah:-

Lantekkan Tuan R. Gwilliam sebagai State Surveyer Brunei, menggantikan sementara....

menggantikan sementara jawatan Tuan M.J. Hurley yang sekarang sedang berchuti.

Lantekkan sa-orang Pegawai Pelajaran China dari Hongkong sebagai Nadzir Sekolah2 China di-seluroh Negeri Brunei selama dua tahun.

Perkara mengenai Hutan Simpan Berakas. Pembaharuan Lisen bagi Penyelidikan minyak Brunei Shell Petroleum Company Limited di-kawasan Sapo dan Labu selama satu tahun. Undang2 Penorbangan Udara (Jadual Pertama) (Pinda'an) tahun 1957 dan Undang2 Perubahan Perchekan dari Perentah Undang2 Tambahan (Pinda'an kapada Jadual) Bilangan Dua, tahun 1957.

X PANGLIMA AGONG ANGKATAN TENTERA DARAT DI-RAJA

BRITISH MELAWAT KA-BRUNEI

PANGLIMA Agong Angkatan Tentera Darat di-Raja Bagi Timor Jauh, General Festing, K.C.B., K.B.E., G.C.B., D.S.O., telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Sabtu 22 June, 1957 dengan kapal terbang dari Labuan sasudah mengadakan lawatan yang resmi di-Borneo utara.

Beliau telah di-iringi oleh General R.G. Collingwood, C.B., C.B.E., D.S.O., Panglima Agong Angkatan Tentera Darat di-Raja yang bertempat di-Singapura; Tuan D. Greenhill, Pegawai kanan di-Jabatan Pesuruh Jaya Agong di-Tenggara Asia di-Singapura dan juga yang menjadi Pengurusi Jawatan Kuasa Bahagian Penyiasatan di-Timor Jauh; Colonel Pixton, Pegawai Perhubungan Tentera Darat Amerika Sharikat di-Singapura; dan dua orang lagi Pegawai2.

Para Pelawat itu telah pergi ka-Seria pada pagi Hari Ahad 23 June, dan dari sana mereka telah berangkat ka-Sibu, Sarawak dengan kapal terbang pada pagi Ithnin 24 June yang lalu.

X WAKIL2 BRUNEI KA-PERTUNJOKKAN PERTANIAN DI-MALAYA

LIMA orang wakil2 dari Brunei akan menghadziri temasha Pertunjokkan Pertanian, Tanaman2 dan sebagai-nya yang akan di-adakan di-Chinwu Auditorium, Kuala Lumpur mulai dari 5 July hingga 8 July 1957, di-bawah Anjoran Persekutuan Agri-Horticultural Malaya.

Inche' Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negeri akan mengetuai rombongan ini; dan yang lain2 itu ia-lah, Pehin Bendahari Awang Abdul-Rahman, Pengeran Damit bin Pengeran Sunggoh, Inche' Ahmad bin Haji Ismail dan Awang Mohammad Salleh bin Pehin Ratna di-Raja. Wakil2 ini telah di-pileh oleh pehak yang berkuasa untuk menghadziri temasha yang tersebut.

Pengeran Damit, Inche' Ahmad dan Awang Mohammad Salleh telah berangkat ka-Labuan dengan kapal "Sultan" pada pagi hari Ithnin 24 June dan dari sana mereka telah berangkat ka-Singapura dengan kapal "Darvel". Ketiga2 mereka ini akan balek ka-Brunei dengan kapal "Marudu" pada 12 July 1957.

Inche' Hamidoon dan Pehin Bendahari akan berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 2 July dan balek ka-Brunei pada 10 July, 1957 akan datang ini.

TARIKH2 JAMA'AH HAJI BALEK DARI JEDDAH

JAMA'AH2 Haji dari Brunei, Sarawak, Borneo Utara dan Malaya yang telah berangkat ka-Tanah Suci pada tahun ini kerana menunaikan Fardzū Haji akan balek ka-tempat masing2 dengan kapal2 Anking dan Anshun pada tarikh yang di-jadualkan di-bawah:

Kapal Haji yang pertama, m/v Anking akan bertolak dari Jeddah pada 17 July 1957, tiba di-Pulau Pinang pada 29 July dan tiba di-Singapura pada 30 July.

Kapal Anking itu akan bertolak ka-Jeddah semula pada 5 August dan bertolak dari Jeddah ka-Malaya lagi pada 19 August. Kapal itu akan tiba di-Pulau Pinang pada 31 August dan tiba di-Singapura pada 1 September.

Bertolak dari Singapura ka-Jeddah lagi pada 7 September dan dari Jeddah ka-Malaya pada 21 September. Tiba di-Pulau Pinang pada 3 October dan tiba di-Singapura pada 4 October.

Kapal m/v Anshun akan berlepas dari Jeddah ka-Malaya pada 8 August, dan akan tiba di-Pulau Pinang pada 20 August dan di-Singapura pada 21 August.

DUA ORANG JAMA'AH2 HAJI BRUNEI MENINGGAL DUNIA

Sahingga tarikh keluaran P. B. ini kita dengan sedehnya telah menerima dua berita dari satu puncha yang resmi menyatakan dua orang dari Jama'ah2 Haji yang telah bertolak dari Brunei pada tahun ini telah meninggal dunia.

Mereka2 itu ia-lah Zauyah bintee Ahmad, berusia 90 tahun dari Kampong Kasat; dan Haji Aspar bin Tasim, berusia 89 tahun dari Kampong Kulapis, di-kawasan Sengkurong.

Zauyah telah meninggal dunia di-Madina pada 22 May 1957, dan Haji Aspar telah meninggal dunia di-Laut Aden sabelum kapal Anshun tiba di-Jeddah pada 12 June 1957.

NAMA BAHARU UNTOK KADZI BELAIT

Ada-lah di-ma'alumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan sukachita mengumomkan ia-itu Abang Razali bin Abang Haji Zainuddin, Kadzi bagi Da'erah Belait akan menyandang nama dan gelaran sebagai "SENIOR KADZI".

HAL EHWAL KEWANGAN MALAYA DAN BORNEO BRITISH

PENGERUSI, Lembaga Pesuroh Jaya Kewangan, Malaya dan Borneo British mema'lumkan baharu2 ini bahawa jumlah wang2 yang telah diperedarkan pada bulan May dan June tahun ini ada-lah saperti yang berikut:

Jumlah wang2 kertas yang di-peredarkan pada 1 June 1957 ia-lah sebanyak \$948,961,915.13 sen.

Jumlah duit2 siling.....

Jumlah duit2 siling yang di-peredarkan pada 1 June 1957 . ia-lah sabanyak \$42,721,610.33 sen.

Jumlah wang kertas yang di-peredarkan pada bulan May yang lalu ia-lah sabanyak \$953,830,903.45 sen.

Jumlah duit2 siling yang di-peredarkan pada bulan May yang lalu ia-lah sabanyak \$42,684,652.27 sen.

HOTEL BAHARU UNTOK BRUNEI -

REST HOUSE HANYA UNTOK PEGAWAI2 KERAJA'AN

Telah di-fahamkan dari Pehak Pengurusnya bahawa BRUNEI HOTEL mungkin dapat di-buka (di-gunakan oleh orang ramai) dalam bulan July ini.

Sesudah itu, "Rest House" Keraja'an di-Bandar Brunei hanya di-khaskan untuk penghinapan Pegawai2 dan Tetamu2 Keraja'an Brunei.

MEJLIS2 SELAMAT BERPISAH

Anggota2 Radio Brunei telah mengadakan satu Mejlis Jamuan makan pada malam 20 June yang lalu bertempat di-Dewan Pejabat Penerrangan Bandar Brunei kerana mera'ikan sa-orang anggota-nya, Pengiran Ahmad bin Pg. Anak Hj. Mohd. Yassin B.A.S., yang telah bertukar ka-Temburong menjadi Pemangku Pegawai Da'erah di-sana mulai dari 23 June, menggantikan jawatan Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammad Salleh II.

Sabbelum Mejlis itu bersurai, Tuan John Duclos, Station Manager Radio Brunei telah beruchap dalam mana beliau menerangkan tujuan mengadakan mejlis itu dan melanjutkan berbanyak2 terima kasehnya atas kehadziran para jemputan ka-mejlis itu sambil menguchapkan Selamat Berpisah kepada dza'if yang di-ra'ekan itu.

Pengeran Ahmad, dalam membalaq uchapan itu, menguchapkan selamat tinggal kepada Anggota Radio Brunei dan kepada pendudok2 di-sini 'am-nya. Atas nama para jemputan, Pengiran Kerma Indra juga telah beruchap di-mejlis itu.

Mejlis Selamat Berpisah kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohammad Salleh II telah juga di-adakan di-Mesjid Bukok, Pandaruan pada petang Jum'at 21 June yang lalu. Pengiran Haji Abu Bakar bertukar ka-Tutong menggantikan Yang Berhormat Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, sebagai Pegawai Da'erah di-sana mulai dari 27 June 1957.

Mejlis itu telah di-adakan sesudah Y.T.M. Seri Peduka Duli Pengiran Bendahara meresmikan pembuka'an Mesjid tersebut.

Sebagai wakil Ketua2 Kampong dan Pendudok2 Kampong itu, Che'gu Julaihi, Guru Besar Sekolah Melayu Bukok, telah beruchap. Ia mengucapkan satingga2 terima kaseh atas perkhidmatan2 Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar kepada pendudok2 di-sana. Selanjutnya beliau berharap semoga dza'if yang di-ra'ekan itu akan beroleh kejaya'an2 pada masa hadapan kelak. Membalaq uchapan2 ini Yang Berhormat Pengiran telah melafadzkan kata2 yang berharga.

X KERAJA'AN BRUNEI JEMPUT AHLI SEJARAH

SA-ORANG Ahli Sejarah yang terkenal, Inche' Osman Shah, Penulong Pegawai Penyelideki Hal Ehwal Sejarah dari University Malaya akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada hari lagi atas jemputan dari Keraja'an Brunei.

Beliau akan bertugas menyelideki hal ehwal Sejarah Brunei di-Brunei ini selama 3 bulan.

PEMANDANGAN PENGARAH KERJARAYA SARAWAK TERHADAP RANCHANGAN2

PERKEMBANGAN NEGERI BRUNEI

Pengarah Jabatan Kerjaraya Negeri Sarawak yang telah melawat ka-Brunei kira2 18 bulan yang lalu, sa-kali lagi telah melawat ka-Brunei pada 25 June 1957 dalam perjalanan-nya ka-Limbang, Sarawak.

Sabelum berangkat ka-Limbang, beliau telah mengadakan satu pertemuan dengan Yang Berhormat Tuan British Resident. Di-antara lain, Pengarah itu telah berkata bahawa ia sangat tertarek hati melihat kemajuan besar yang telah di-chapai oleh Ranchangan2 Perkembangan di-Negeri ini semenjak lawatan-nya yang lalu.

X KENYATA'AN KHAS UNTOK PETANI2 KILANAS DAN MULAUT

Orang2 yang mempunyai tanah perpadian di-kawasan2 Mulaut dan Kilanas, yang belum mengetahui di-mana letak-nya tanah mereka adalah di-ma'lumkan supaya berhubong dengan Inche' Ajmain bin Abdul Razak, Pegawai yang menjaga hal ehwal pembahagian tanah di-kawasan2 tersebut.

Perhubongan itu boleh-lah di-buat sama ada menerusi Pejabat Tanah di-Bandar Brunei, atau menerusi Pejabat Sementara beliau di-Batu 6, Kampong Bunut, bertempat di-rumah Pengeran Ahmad dari Pejabat Sukat, Bandar Brunei.

X MA'LUMAT MENGENAI HUTAN SIMPAN BERAKAS --

Dengan persetujuan D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Tuan British Resident, dalam Mejlis Mashuarat Negeri, telah membuat satu siaran yang di-sebutkan sebagai SIARAN HUTAN SIMPAN (Berakas).

Kawasan yang di-tetapkan menjadi Hutan Simpan Berakas itu berluas sabanyak 860 ekar dan akan mulai berjalan kuatkuasa-nya pada 1 July 1957.

Menurut Ma'lumat tersebut, Penduduk2 Kampong Lambak Berakas, Kampong Madaras, Kampong Madang dan Kampong Terunjing Berakas di-beri hak2 istimewa untuk mengambil kayu balak dan lain2 keluaran hutan kerana keperluan mereka dan bukan kerana jualan atau pertukaran. Hak2 istimewa ini akan menjadi ta'luk kepada jaga'an Pegawai Hutan Negeri dan perentah2 itu boleh di-buat dengan kebenaran dari Tuan Resident untuk mengator batasan tempatan dan charamana keluaran hutan itu boleh di-ambil atau di-terima dalam Hutan Simpan.

*****oo800*****

DUA ORANG LAGI JAMA'AH HAJI MENINGGAL DUNIA --

Baharu2 ini kita telah terima satu lagi berita dari puncha yang sama bahawa dua orang lagi Jama'ah Haji telah meninggal dunia sabelum menunaikan Fardzu Haji.

Mereka2 itu ia-lah Bungsu bin Kadir, berusia 85 tahun dari Kampong Rimba, Gadong, telah meninggal dunia pada 23 June; dan yang sa-orang lagi ia-lah Timbang bintee Besar, berusia 66 tahun dari Kampong Kulapis di-kawasan Sengkurong, telah meninggal dunia pada 26 June.

Kedua2 mereka ini telah meninggal dunia di-Tanah suchi, Mekah.